

## **PERSEPSI TERHADAP TOLERANSI SOSIO AGAMA DI SABAH DAN SARAWAK**

Ahmad Tarmizi Talib<sup>1</sup>, Nur Ayuni Mohd Isa<sup>2</sup> Sarjit S.Gill<sup>3</sup>, Zaid Ahmad<sup>4</sup>, Jayum Jawan<sup>5</sup>,  
Abd Hakim Mohad<sup>6</sup>

### **ABSTRAK**

Malaysia merupakan salah satu daripada kebanyakan negara di Asia Tenggara yang mempunyai masyarakat yang majmuk. Perjalanan sejarah telah membentuk masyarakat Malaysia yang unik dengan kepelbagaian sosio-budaya dan agama. Kepelbagaian ini yang merupakan antara sebab hubungan antara penganut agama menjadi menarik. Kajian ini adalah untuk mengukur persepsi terhadap toleransi sosio agama di Sabah dan Sarawak. Kajian ini menggunakan kaedah survei menerusi penggunaan soal selidik sebagai alat untuk mengumpulkan data. Proses pengumpulan data dilaksanakan dalam tempoh tiga bulan, iaitu Mac 2013 sehingga Mei 2013. Lokasi kajian adalah di beberapa lokasi di sekitar Sabah dan Sarawak. Kajian ini dijalankan terhadap responden yang berumur di antara 15 hingga 60 tahun. Seramai 400 orang responden terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian membuktikan bahawa tahap persepsi terhadap toleransi sosio-agama secara keseluruhan dalam kalangan responden adalah positif. Ringkasnya, hasil kajian ini menolak pandangan segelintir pihak yang sering memberi gambaran melalui media massa bahawa wujud suasana yang tidak harmoni dalam konteks hubungan antara agama di Malaysia.

### **Pengenalan**

Malaysia merupakan salah satu daripada kebanyakan negara di Asia Tenggara yang mempunyai masyarakat yang majmuk. Perjalanan sejarah telah membentuk masyarakat Malaysia yang unik dengan kepelbagaian sosio-budaya dan agama.

Menurut Means (1978), sejak abad ke-15 Islam adalah agama yang dominan di dunia Melayu dan menjadi simbol perpaduan dan identiti agama serta budaya kepada orang Melayu. Ketika kemerdekaan Malaysia, agama Islam telah menjadi antara faktor utama di dalam pembentukan Perlembagaan. Seterusnya, semasa kemerdekaan pada tahun 1957 Islam dan

orang Melayu telah diberi status yang istimewa dalam Perlembagaan Persekutuan (Mastor, Jin, & Cooper, 2000).

Dalam melindungi amalan beragama, Perlembagaan Persekutuan (Artikel 3), memperuntukkan agama Islam sebagai agama persekutuan, manakala agama-agama lain bebas diamalkan oleh para penganutnya. Justeru itu, agama-agama lain selain agama Islam diamalkan tanpa sebarang sekatan. Ia dapat dilihat dengan jelas terutamanya di kawasan bandar kerana masyarakat selain Islam majoritinya berada di sana berbanding di kawasan luar bandar. Kawasan luar bandar majoritinya didiami oleh masyarakat Melayu Islam.

Dengan meletusnya beberapa isu dalam konteks hubungan antara penganut agama akhir-akhir ini, perbincangan mengenai toleransi antara penganut agama menjadi semakin penting. Kepentingan isu ini bukan sahaja kepada Malaysia malah juga seluruh dunia memandangkan hampir tidak ada negara dunia yang penduduknya hanya mengamalkan satu agama (Talib & Gill, 2012).

### **Tinjauan Literatur**

Beberapa orang sarjana telah memberikan definisi toleransi. Antaranya, toleransi dapat dijelaskan sebagai suatu tindakan secara sukarela iaitu tidak mengambil tindakan terhadap sesuatu yang tidak dibenarkan, di mana ia membawa maksud kebebasan terhadap dan kebebasan bersyarat (Adeney, 1926). Toleransi ditunjukkan dengan melibatkan sikap, pandangan, tingkah laku dan kepercayaan (Ferrari, 1976). Selain itu, sebagai satu polisi atau sikap terhadap sesuatu yang tidak di terima, tetapi tidak pula ditolak secara aktif (Laursen, 2005).

Kepelbagaian definisi toleransi sering mengakibatkan kekeliruan dalam perbincangan dan tindakan. Bagi tujuan perbincangan dalam bab ini saya mencadangkan definisi toleransi agama sebagai satu kesediaan sikap atau tingkahlaku yang membenarkan dan menerima perbezaan agama untuk diamalkan dalam sebuah masyarakat majmuk tanpa prejudis dan diskriminasi. Memberi kebenaran dan penerimaan kepelbagaian agama tersebut tidak menjadikan seseorang itu mempercayai atau menjadi penganut sesuatu agama. Ia juga tidak membawa kepada seseorang itu mengiktiraf semua agama adalah pada kedudukan yang sama dari segi kebenarannya (Talib, 2010). Memandangkan bahawa aspek toleransi melibatkan aktiviti harian, perbincangan ini akan memfokuskan kepada sudut sosial, yang merupakan salah satu

dari dimensi agama seperti yang dicadangkan oleh Smart, (1991). Perbincangan seterusnya akan berkisar daripada aspek toleransi sosio-agama.

Toleransi boleh diaplikasikan dengan pelbagai cara, seperti menghargai dan meraikan perbezaan, tiada prejudis dan meletakkan dengan sesuatu bahawa seseorang tidak bersetuju atau prejudis terhadap sesuatu perkara (Robinson et al., 2001). Sejarah, konsep toleransi mulai berkembang dengan adanya usaha untuk menangani kesan yang merbahaya apabila berlakunya konflik agama (Sullivan & Transue, 1999). Kehadiran sejumlah besar umat Islam di negara-negara Eropah barat telah membawa idea toleransi sebagai satu mekanisme untuk berurusan dengan kepelbagaian agama.

Toleransi antara agama adalah merupakan salah satu asas kepada keharmonian negara. Keperluan mempraktikkan toleransi tidak hanya penting di negara seperti Malaysia sahaja, malah ia adalah amat penting di mana-mana sahaja di dunia hari ini. Di banyak negara, hubungan antara penganut agama yang tidak sihat boleh mencetuskan konflik malah sehingga ke peringkat pertumpahan darah. Krisis hubungan antara agama yang terbaru berlaku pada tahun 2012 ialah di Myanmar antara penganut Buddha dan Islam Rohinya. Maka dengan itu, sebolehnya kita perlulah mengelak dari perkara sebegini berlaku di Malaysia dan di mana jua.

## **Metodologi Kajian**

Kajian dijalankan dengan menggunakan pendekatan kajian secara kuantitatif. Reka bentuk kajian ini adalah secara tinjauan (survei) dengan menggunakan borang soal selidik. Secara umumnya, kajian ini hanya melibatkan kawasan di Sabah dan Sarawak. Kajian ini pada awalnya telah dilaksanakan pra uji bagi instrumen kajian di Sarawak pada Mac 2013.. Dua siri pengumpulan data dilakukan iaitu mengikut pada bulan April 2013 di Sabah dan Mei 2013 di Sarawak. Sampel kajian adalah seramai 400 orang responden yang terlibat dalam kajian ini yang mewakili seperti berikut:

- Sabah : Kota Kinabalu, Papar, Kota Samarahan = 200 orang
- Sarawak: Kuching, Miri Bintulu = 200 orang

Sampel kajian adalah terdiri dari pada Islam, Kristian, dan Budhha dalam nisbah 6 : 3 : 1.

Sampel kajian adalah secara pensampelan mudah (*convenience*). Responden yang terlibat adalah berumur 15 hingga 40 tahun ke atas.

## Dapatan Kajian

**Jadual 1: Taburan Etnik**

Etnik	Sabah		Sarawak		keseluruhan	
	n	%	N	%	n	%
<b>Bajau</b>	50	25.0			50	12.5
<b>Sungai</b>	3	1.5			3	.8
<b>Kokos</b>	3	1.5			3	.8
<b>Murut</b>	5	2.5			5	1.3
<b>Idahan</b>	1	.5			1	.3
<b>Bisaya</b>	2	1.0			2	.5
<b>Tidung</b>	1	.5			1	.3
<b>India</b>	1	.5			1	.3
<b>Ubian</b>	1	.5			1	.3
<b>Iranun</b>	1	.5			1	.3
<b>Iban</b>	-	-	58	29.0	58	14.5
<b>Melayu</b>	22	11.0	77	38.5	99	24.8
<b>Bidayuh</b>	-	-	14	7.0	14	3.5
<b>Melanau</b>	-	-	14	7.0	14	3.5
<b>Kenyah</b>	-	-	4	2.0	4	1.0
<b>Dayak</b>	-	-	2	1.0	2	.5
<b>Kelabit</b>	-	-	2	1.0	2	.5
<b>Kayan</b>	-	-	1	.5	1	.3
<b>Lun</b>	-	-	1	.5	1	.3
<b>Bawang</b>						
<b>Dusun</b>	28	14.0			28	7.0
<b>Bugis</b>	17	8.5			17	4.3
<b>Suluk</b>	16	8.0			16	4.0
<b>Kadazan</b>	26	13.0			26	6.5
<b>Melayu</b>	11	5.5			11	2.8
<b>Brunei</b>						
<b>Cina</b>	9	4.5	27	13.5	36	9.0
<b>Kedayan</b>	3	1.5			3	.8
<b>Jumlah</b>	200	100.0	200	100.0	400	100.0

**Sumber Data Kajian 2013**

Majoriti adalah terdiri daripada etnik Melayu, iaitu 24.8% (99 orang) diikuti etnik Iban sebanyak 14.5% (58 orang) dan etnik Bajau sebanyak 12.5% (50 orang). Bagi etnik lain, jumlah populasi adalah hampir sama peratusannya.

**Jadual 2: Taburan Agama**

Agama	Sabah		Sarawak		Keseluruhan	
	N	%	N	%	n	%
Islam	148	74.0	94	47.0	242	60.5
Kristian	49	24.5	84	42.0	133	33.3
Buddha	2	1.0	20	10.0	22	5.5
Hindu	1	.5	-		1	.3
Bahai	-	-	1	.5	1	.3
Pagan	-	-	1	.5	1	.3
Jumlah	200	100.0	200	100.0	400	100.0

**Sumber Data Kajian 2013**

Secara umum, hasil kajian menunjukkan majoriti responden adalah beragama Islam, iaitu 60.5 % (242), diikuti 33.3% (133) beragama Kristian, dan 5.5% (22) beragama Buddha.

**Jadual 3: Tahap Persepsi Terhadap Toleransi Sosio-agama**

	Sabah		Sarawak		Keseluruhan	
	N	%	n	%	n	%
<b>Negatif</b>	4	2.0	4	2.0	8	2.0
<b>Positif</b>	196	98.0	196	98.0	392	98.0
<b>Jumlah</b>	200	100.0	200	100.0	400	100.0

**Sumber Data Kajian 2013**

Majoriti daripada responden mempunyai persepsi yang positif terhadap toleransi sosio-agama, iaitu 98.0% (392), dan selebihnya negatif ialah 2.0% (8).

**Jadual 4: Tahap Persepsi Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Umur**

		Persepsi		Jumlah
		Negatif	Positif	
15-20	N	4	103	107
	%	1.0%	25.8%	26.8%
21-25	N	2	166	168
	%	0.5%	41.5%	42.0%

26-30	N	0	68	68
	%	0.0%	17.0%	17.0%
31-40	N	2	51	53
	%	0.5%	12.8%	13.3%
>40	N	0	4	4
	%	0.0%	1.0%	1.0%
<b>Jumlah</b>	N	8	392	400
	%	2.0%	98.0%	100.0%

**Sumber Data Kajian 2013**

Secara keseluruhannya, persepsi terhadap toleransi mengikut umur menunjukkan kesemua peringkat umur iaitu 15 sehingga 40 tahun ke atas mempunyai persepsi yang positif terhadap toleransi sosio agama. Persepsi positif bagi umur 15-20 tahun ke atas ialah 25.8% (103), 21-25 tahun 42.0% (166), 26-30 tahun 17.0% (68), 31-40 tahun 13.3% (53) dan 40 tahun ke atas 1.0% (4). Seterusnya, bagi persepsi negatif pula ialah umur 15-20 tahun 1.0% (4), 21-25 tahun 0.5% (2), 31-40 tahun 0.5% (2), 31-40 tahun 0.5% (2) dan umur atas 40 tidak mempunyai persepsi negatif terhadap toleransi agama.

**Jadual 5: Tahap Persepsi Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Jantina**

		<b>Persepsi</b>		<b>Jumlah</b>
		<b>Negatif</b>	<b>Positif</b>	
<b>Lelaki</b>	N	4	172	176
	%	1.0%	43.0%	44.0%
<b>Perempuan</b>	N	4	220	224
	%	1.0%	55.0%	56.0%
<b>Jumlah</b>	N	8	392	400
	%	2.0%	98.0%	100.0%

**Sumber Data Kajian 2013**

Tahap persepsi terhadap toleransi mengikut jantina pula menunjukkan kedua-duanya lelaki 43.0% (172) dan perempuan 55.0% (220) mempunyai persepsi positif terhadap toleransi agama.

**Jadual 6: Tahap Persepsi Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Etnik**

		<b>Persepsi</b>		<b>Jumlah</b>
		<b>Negatif</b>	<b>Positif</b>	
<b>Bajau</b>	N	0	50	50
	%	0.0%	12.5%	12.5%
<b>Sungai</b>	N	0	3	3
	%	0.0%	0.8%	0.8%
<b>Kokos</b>	N	0	3	3
	%	0.0%	0.8%	0.8%
<b>Murut</b>	N	0	5	5
	%	0.0%	1.3%	1.3%
<b>Idahan</b>	N	0	1	1
	%	0.0%	0.3%	0.3%
<b>Bisaya</b>	N	0	2	2
	%	0.0%	0.5%	0.5%
<b>Tidung</b>	N	0	1	1
	%	0.0%	0.3%	0.3%
<b>India</b>	N	0	1	1
	%	0.0%	0.3%	0.3%
<b>Ubian</b>	N	0	1	1
	%	0.0%	0.3%	0.3%
<b>Iranun</b>	N	0	1	1
	%	0.0%	0.3%	0.3%
<b>Iban</b>	N	0	58	58
	%	0.0%	14.5%	14.5%
<b>Melayu</b>	N	2	97	99
	%	0.5%	24.3%	24.8%
<b>Bidayuh</b>	N	0	14	14
	%	0.0%	3.5%	3.5%
<b>Melanau</b>	N	0	14	14
	%	0.0%	3.5%	3.5%
<b>Kenyah</b>	N	0	4	4
	%	0.0%	1.0%	1.0%
<b>Dayak</b>	N	0	2	2
	%	0.0%	0.5%	0.5%
<b>Kelabit</b>	N	0	2	2
	%	0.0%	0.5%	0.5%
<b>Kayan</b>	N	0	1	1
	%	0.0%	0.3%	0.3%
<b>Lun Bawang</b>	N	0	1	1
	%	0.0%	0.3%	0.3%
<b>Dusun</b>	N	0	28	28
	%	0.0%	7.0%	7.0%
<b>Bugis</b>	N	1	16	17
	%	0.3%	4.0%	4.3%
<b>Suluk</b>	N	0	16	16

	%	0.0%	4.0%	4.0%
<b>Kadazan</b>	N	3	23	26
	%	0.8%	5.8%	6.5%
<b>Melayu Brunei</b>	N	0	11	11
	%	0.0%	2.8%	2.8%
<b>Cina</b>	N	2	34	36
	%	0.5%	8.5%	9.0%
<b>Kedayan</b>	N	0	3	3
	%	0.0%	0.8%	0.8%
<b>Jumlah</b>	N	8	392	400
	%	0.2%	98.0%	100.0%

**Sumber Data Kajian 2013**

Dapatan kajian menunjukkan kesemua etnik mempunyai persepsi yang positif terhadap toleransi sosio agama. Persepsi positif bagi etnik utama dalam kajian ini ialah Melayu 24.3% (97), diikuti etnik Iban 14.5% (58), etnik Bajau 12.5% (50), etnik Bidayuh 3.5%(14) dan etnik Melanau 3.5%(14).

**Jadual 7: Tahap Persepsi Terhadap Toleransi Sosio-agama Mengikut Agama**

<b>Agama</b>		<b>Persepsi</b>		<b>Jumlah</b>
		<b>Negatif</b>	<b>Positif</b>	
<b>Islam</b>	n	3	239	242
	%	0.8%	59.8%	60.5%
<b>Kristian</b>	n	2	131	133
	%	0.5%	32.8%	33.3%
<b>Buddha</b>	n	2	20	22
	%	0.5%	5.0%	5.5%
<b>Hindu</b>	n	1	0	1
	%	0.3%	0.0%	0.3%
<b>Bahai</b>	n	0	1	1
	%	0.0%	0.3%	0.3%
<b>Pagan</b>	n	0	1	1
	%	0.0%	0.3%	0.3%
<b>Jumlah</b>	n	8	392	400
	%	2.0%	98.0%	100.0%

**Sumber Data Kajian 2013**

Persepsi mengikut agama pula menunjukkan kesemua agama mempunyai persepsi yang positif. Bagi agama Islam 59.8% (239), diikuti agama Kristian yang mencatatkan 32.8% (131), agama Buddha 5.0% (20). Persepsi bagi penganut Hindu ialah negatif namun ianya hanya seorang responden dengan 0.3%. Untuk agama Bahai dan Pagan masing-masing 0.3% (1) mempunyai persepsi yang positif.

**Jadual 8: Skor Min Bagi Persepsi Terhadap Toleransi Sosio-agama Untuk Setiap Pernyataan.**

		<b>n</b>	<b>%</b>	<b>Min</b>
<b>Saya yakin bahawa kepercayaan agama saya adalah sama benarnya dengan kepercayaan agama lain.</b>	Amat Tidak Bersetuju	69	17.3	
	Tidak Bersetuju	41	10.3	
	Kurang Setuju	52	13.0	
	Setuju	149	37.3	
	Amat Bersetuju	89	22.3	
	Jumlah	400	100.0	3.3700

		<b>n</b>	<b>%</b>	<b>Min</b>
<b>Saya percaya bahawa semua ajaran agama membawa nilai baik dan mulia.</b>	Amat Tidak Bersetuju	3	.8	
	Tidak Bersetuju	11	2.8	
	Kurang Setuju	16	4.0	
	Setuju	148	37.0	
	Amat Bersetuju	222	55.5	
	Jumlah	400	100.0	4.4375

		<b>n</b>	<b>%</b>	<b>Min</b>
<b>Semua orang perlu berkongsi nilai baik dan mulia yang terdapat dalam semua agama.</b>	Amat Tidak Bersetuju	1	.3	
	Tidak Bersetuju	5	1.3	
	Kurang Setuju	11	2.8	
	Setuju	140	35.0	
	Amat Bersetuju	243	60.8	
	Jumlah	400	100.0	4.5475

		<b>n</b>	<b>%</b>	<b>Min</b>
<b>Setiap penganut agama perlu bersikap toleransi terhadap mereka yang beragama lain.</b>	Amat Tidak Bersetuju	1	.3	
	Tidak Bersetuju	2	.5	
	Setuju			

Kurang Setuju	6	1.5	
Setuju	122	30.5	
Amat Bersetuju	269	67.3	
Jumlah	400	100.0	4.6400

	n	%	Min
Amat Tidak Bersetuju	1	.3	
Tidak Bersetuju	2	.5	
Kurang Setuju	8	2.0	
Setuju	100	25.0	
Amat Bersetuju	289	72.3	
Jumlah	400	100.0	4.6850

Min terendah di tunjukkan pada pernyataan pernyataan '**Saya yakin bahawa kepercayaan agama saya adalah sama benarnya dengan kepercayaan agama lain**' [M=3.3700]. Hal ini berkemungkinan responden kurang pasti dengan pernyataan yang dikemukakan. Min tertinggi di tunjukkan pada pernyataan '**Semua orang mesti menghormati anutan/amalan agama orang lain**' [M=4.6850]. Ia menunjukkan majoriti responden amat bersetuju dengan pernyataan tersebut.

## Rujukan

- Ahmad, Z. (2003). Euphoria of Diversity: Islam and Religious Coexistence in Post Independence Malaysia. In Y. Harun (Ed.), *Malaysia Papers on Development, Religion and Politics*. Wellington: Victoria University of Wellington.
- Ahmad, Z. (2007). Multiculturalism and Religio-Ethnic Plurality; The Malaysian experience (multiculturalism). *Culture and Religion*, 8(2), 139 - 153.
- Furnival, J. S. (1948). *Colonial Policy and Practice: A Comparative Study of Burma and Netherland India*. Cambridge University Press.
- Ismail, W. A. W. (2001). Building Effective Ethical-moral Co-operation in a Pluralist Universe. In J. A. Camilleri (Ed.), *Religion and Culture in Asia Pacific: Violence or Healing?* (7-16). Melbourne: Vista Publications.
- Mohamed, S. K. B. S. (1971, 12th - 14th August). *Religious Toleration in Sabah*. Paper presented at the Seminar on Malaysia in Perspective, Victoria, Australia.
- Mohd Noor M., Abdullah M. A. I. L & Omar R. (2005), *Malaysia Isu-Isu Sosial Semasa*. Unit Penerbitan ISM, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

- Rabushka, A. (1973). *Race and Politics in Urban Malaya*. California: Stanford University, Hoover Institution Press.
- Robinson, J., Witenberg, R., & Sanson, A. (2001). The Socialization of Tolerance. In M. Augoustinos & K.J. Reynolds (Eds.), *Understanding prejudice, racism and social conflict* (73–88). London: Sage.
- Sullivan, J.L., & Transue, J.E. (1999). The Psychological Underpinnings of Democracy: A Selective Review of Research on Political Tolerance, Interpersonal Trust and Social Capital. *Annual Review of Psychology*, 50, 625-650.
- Talib, A. T., & Gill, S. S. (2012). Socio-Religious Tolerance: Exploring the Malaysian Experience. *Global Journal of Human Social Science*, 12(8), 49-54.
- Tan C. B. (1982). *Ethnic Relations in Malaysia* dalam David Y.H Yu (ed.), *Ethnicity and Interpersonal Interaction – A Cross Cultural Study*. Singapore: Maruzen Asia.
- Vogt, W.P. (1997). *Tolerance and Education: Learning to Live With Diversity and Difference*. London: Sage.
- Wainryb, C., Shaw, L.A., & Maianu, C. (1998). Tolerance and Intolerance: Children's and Adolescents' Judgments of Dissenting Beliefs, Speech, Persons and Conduct. *Child Development*, 69, 1541–1555.
- Wainryb, C., Shaw, L.A., Laupa, M., & Smith, K.R. (2001). Children's, Adolescents' and Young adults' Thinking About Different Types of Disagreements. *Developmental Psychology*, 37, 373–386.